

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 JUN 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tarik pelaburan rantau Asia Tengah	Harian Metro
2.	Sah beras tulen	Sinar Harian
3.	Beras cap rambutan sah tiada kandungan plastik	Harian Metro
4.	Keputusan Jabatan Kimia: Beras jenama Rambutan tulen	BERNAMA
5.	'No foreign element in rice'	New Straits Times
6.	Cuaca diramal baik pada pagi Aidilfitri	KOSMO
7.	Lebih banyak dana diperlukan untuk syarikat pemula niaga	KOSMO
8.	Pemodal kena bantu start-ups, scale-ups	Utusan Malaysia
9.	Tok Pa urges more funds for technology startups, scaleups	Malay Mail
10.	UTeM's 'Suci-Uris' product helps men urinate	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO): MUKA SURAT 7
TARIKH : 23 JUN 2017 (JUMAAT)

SEBAHAGIAN
delegasi yang akan
ke Kazakhstan
bersama Madius
(duduk tiga dari kiri).



TARIK PELABURAN RANTAU ASIA TENGAH

Ekspo Astana 2017 fokus kepada kemampuan
penggunaan teknologi biologi kitar semula

RENCANA

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Ekspo Astana 2017 yang bertemakan Inovasi Hijau, Menjana Masa Depan Anda bakal memfokuskan kepada kemampuan penggunaan teknologi biologi kitar semula.

Ini termasuk penukaran kepada produk nilai tambah dalam industri makanan, biokimia, tenaga dan penjagaan kesihatan, melalui teknologi yang inovatif serta cekap.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, pameran itu bertujuan meninjau peluang baru bagi kerjasama dan menarik pelaburan daripada institusi serta syarikat yang terletak di rantau Asia Tengah.

"Kami sedang melihat pelaburan yang berpotensi dalam sains, teknologi dan inovasi (STI) yang menampilkan teknologi hijau serta berasaskan bio dari Asia Tengah pada masa akan datang.

"Keutamaan kami adalah untuk memulakan perbincangan dengan rakan perniagaan strategik yang juga pendukung inovasi dan pada masa sama untuk mempamerkan kelebihan Malaysia kepada pelabur di rantau ini.

"MOSTI dijangka menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) - berkenaan teknologi hijau pada hari pelancarannya di Ekspo Astana 2017 di Kazakhstan, dijangka 26 Jun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis taklimat kepada wakil media dan delegasi yang mengikuti rombongan ke Kazakhstan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Putrajaya, baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Presiden Kanan Industri Bio, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) yang juga Pengarah Projek Ekspo Astana 2017 Zainal Azman Abu Kasim.

Program anjuran MOSTI dengan kerjasama Bioeconomy Corp, SIRIM Berhad (SIRIM) dan Yayasan

Inovasi Malaysia (YIM) membabitkan beberapa syarikat swasta.

Madius berkata, MoU itu membabitkan syarikat Ronser Biotech Bhd dan Nusantara Associates Limited Liability Partnership (LLP) Kazakhstan, iCycle Sdn Bhd dan Daerah Tianhe di Guangzhou serta iCycle dan negeri Kerala di India.

"MoU itu akan membolehkan syarikat mengkaji langkah untuk melengkapi antara satu sama lain dalam meningkatkan akses pasaran bagi produk dan perkhidmatan mereka selain menggalakkan lebih banyak pelaburan merentas sempadan.

"Kami berharap perjanjian ini akan membantu syarikat yang terbabit meningkatkan perniagaan mereka dan kadar penembusan pasaran ke negara lain," katanya.

Menurutnya, program berkenaan bertindak sebagai pentas untuk menyebarkan maklumat berkenaan usaha terkini dalam bidang STI di Malaysia dan menyediakan pentas buat syarikat berasaskan bio Malaysia.

"Ini juga peluang untuk usahawan mendapatkan

akses kepada pengalaman meluas, ilmu pengetahuan dan inovasi dalam ekosistem sambil menyediakan sokongan yang diperlukan bagi aktiviti perniagaan," katanya.

Sementara itu, Zainal Azman berkata, ia memberikan kesempatan terbaik buat syarikat STI di Malaysia untuk menembusi pasaran Kazakhstan yang terbesar di Asia Tengah.

"Syarikat Malaysia yang kami bawa masuk ke Ekspo Astana 2017 kebanyakannya terdiri dari bidang teknologi bio dan inovasi hijau.

"Antara syarikat tempatan yang terbabit ialah Free the Seed Sdn Bhd (Biodegradable food packaging), Ronser Biotech Sdn Bhd (Organic Waste Water Treatment), Cube Global Sdn Bhd (Forest Mapping Solutions), Causer UKM (Development of Intelligent System).

"iCycle Malaysia Sdn Bhd (Recycling System / Solution), Muhibbah Sinergia Resources Sdn Bhd (Halal, Organic & innovative products) dan tiga agensi MOSTI membabitkan YIM, SIRIM dan Bioeconomy Corp," katanya.



MOSTI dijangka menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) berkenaan teknologi hijau pada hari pelancarannya di Ekspo Astana 2017 di Kazakhstan, dijangka 26 Jun ini.

MADIUS

Sah beras tulen

TUAN BUQHAIKHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

SHAH ALAM - Laporan analisis Jabatan Kimia terhadap sampel beras jenama Rambutan yang diambil dari sebuah kilang pemprosesan dan pembungkusan beras di Alor Setar mendapati ianya tulen dan tiada kandungan plastik.

Ketua Pengarah Pengawasan Padi dan Beras, Shamsuddin Ismail berkata, sampel beras sumber utama dan sampel beras telah proses diambil dari Kilang OEL Sdn Bhd, kilang pemprosesan dan



INFO

- Laporan analisis Jabatan Kimia
- Beras jenama Rambutan bukan plastik

pembungkusan beras jenama Rambutan Super Special Tempatan 15% (SST5%), pada 18 Jun untuk dihantar kepada Jabatan Kimia.

"Keputusan Jabatan Kimia yang diterima Kementerian (Pertanian dan Industri Asas Tani) pada 20 Jun menunjukkan sampel-sampel tersebut adalah merupakan beras tulen dan tiada kandungan plastik atau apa-apa unsur lain," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, pihaknya masih menunggu keputusan daripada

Jabatan Kimia

terhadap sampel beras yang diambil di beberapa lokasi lain termasuk kilang beras di Perak, Pahang dan pasar raya di Selangor.

Sulaiman menunjukkan keputusan laporan analisis Jabatan Kimia.

"Kementerian masih menunggu hasil analisis makmal bagi sampel-sampel tersebut," katanya.

Sebelum ini, Kawalselia Padi dan Beras (KPB) telah membuat siasatan dan menghantar sampel beras ke Jabatan Kimia ekoran aduan polis mengenai beras plastik di Kulai, Johor pada 6 Jun dan hasil analisis yang diterima pada 13 Jun juga menunjukkan tiada unsur plastik.

Shamsuddin menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya kepada dakwaan yang tular di media sosial.

"Mereka yang mempunyai maklumat mengenai perkara ini boleh menghubungi pejabat Kawalselia Padi Beras di setiap negeri bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan sebaiknya serta dapat mengelakkan kekeliruan pengguna," katanya.



Beras cap Rambutan sah tiada kandungan plastik

Kuala Lumpur: Analisis Jabatan Kimia terhadap sampel beras dari kilang pemprosesan dan pembungkusan beras jenama Rambutan (SST5%) di Alor Setar, Kedah adalah tulen dan tiada kandungan plastik atau apa-apa unsur lain, kata Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Shamsuddin Ismail.

Menurutnya, sampel beras sumber utama dan sampel beras diproses dari kilang OEL Sdn Bhd itu diambil dalam siasatan oleh Cawangan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) pada Ahad lalu.

"Keputusan Jabatan Kimia yang diterima oleh kementerian pada 20 Jun 2017 menunjukkan sampel berkenaan adalah beras tulen dan tiada kan-



Kementerian juga menghantar kepada Jabatan Kimia sampel beras yang diambil dari beberapa lokasi lain termasuk kilang di Perak dan Pahang serta pasar raya di Selangor"

Shamsuddin Ismail

dungan plastik atau apa-apa unsur lain," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, kementerian itu juga menghantar kepada Jabatan Kimia sampel beras yang diambil dari beberapa lokasi lain, termasuk kilang di Perak dan Pahang serta pasar raya di Selangor.

"Pada masa ini pihak kementerian masih menunggu keputusan analisis makmal bagi sampel berkenaan," katanya.

Berikutan itu juga, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya kepada dakwaan yang tular di media sosial mengenai isu beras plastik.

"Mereka yang mempunyai maklumat mengenai perkara ini boleh menghubungi pejabat KPB di setiap negeri bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan sebaiknya serta dapat mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengguna beras dalam negara," katanya.

Sebelum ini, tular dalam laman sosial dakwaan kononnya berlaku kes penjualan beras tiruan yang diperbuat daripada plastik di seluruh negara.



Keputusan Jabatan Kimia: Beras Jenama Rambutan Tulen

PUTRAJAYA, 22 Jun (Bernama) -- Analisa **Jabatan Kimia** terhadap sampel beras jenama Rambutan yang diambil di sebuah kilang pemprosesan dan pembungkusan beras di Alor Setar mendapati ia tulen dan tiada kandungan plastik, kata Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Shamsuddin Ismail.

Menurutnya, sampel beras sumber utama dan sampel beras telah proses diambil dari Kilang OEL Sdn Bhd, kilang pemprosesan dan pembungkusan beras jenama Rambutan Super Special Tempatan 15% (SST5%), pada 18 Jun untuk dihantar kepada Jabatan Kimia.

"Keputusan Jabatan Kimia yang diterima Kementerian (Pertanian dan Industri Asas Tani) pada 20 Jun menunjukkan sampel-sampel tersebut adalah merupakan beras tulen dan tiada kandungan plastik atau apa-apa unsur lain," katanya dalam kenyataan hari ini.

Shamsuddin berkata sampel-sampel beras turut diambil dari beberapa lokasi lain termasuk kilang di Perak dan Pahang serta pasar raya di Selangor turut dihantar ke Jabatan Kimia.

"Kementerian pada masa ini masih menunggu keputusan analisis makmal bagi sampel-sampel tersebut," katanya.

Sebelum ini, Kawalselia Padi dan Beras (KPB) telah membuat siasatan dan menghantar sampel beras ke Jabatan Kimia ekoran aduan polis mengenai beras plastik di Kulai, Johor pada 6 Jun dan hasil analisis yang diterima pada 13 Jun juga menunjukkan tiada unsur plastik.

Shamsuddin menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya kepada dakwaan yang tular di media sosial mengenai isu beras plastik.

"Mereka yang mempunyai maklumat mengenai perkara ini boleh menghubungi pejabat Kawalselia Padi Beras di setiap negeri bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan sebaiknya serta dapat mengelakkan kekeliruan kalangan pengguna beras dalam negara," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 15
TARIKH : 23 JUN 2017 (JUMAAT)

SAMPLE FROM ALOR STAR



'NO FOREIGN ELEMENT IN RICE'

Ministry still awaits
test results from
other samples

FAREZZA HANUM RASHID
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Agriculture and Agro-Based Industry Ministry (MOA) has confirmed that no foreign element has been found in a local rice brand which was said to be made of plastic.

The Chemistry Department tested a sample taken from the brand's factory in Alor Star.

MOA had also sent rice samples of the same brand, taken from various

locations including factories in Perak and Pahang, and supermarkets in Selangor, to the Chemistry Department and was awaiting results.

MOA's Rice Control director-general Shamsuddin Ismail said these tests were being made following a police report on plastic rice found in Kulai, Johor, on June 6. Analysis result from the Chemistry Department showed that this, too, contained no plastic element.

"The public is advised not to easily believe allegations going around in social media about plastic rice.

"Those with information can contact the Rice Control office in their respective states to allow investigations to be carried out, and to avoid confusion among consumers in the country," Shamsud-

din said in a statement yesterday.

Last week, rumours of plastic rice from the brand in question went viral on social media, with many angry consumers calling on the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry to take action.

It all started when a video of a factory producing transparent plastic granules which looked like rice was posted in social media.

Many Netizens even posted videos of their own plastic rice "tests" by compacting cooked rice into balls and throwing them against a surface.

It was said that if the balls bounced back, they were made of plastic. This was rubbished by many other Netizens who said that any substance, when compacted, would bounce back.



The rice sample taken from a factory in Perak to be tested for foreign elements at Oel Realty Holdings Sdn Bhd Jalan Kuala Kangsar, Perak. PIC BY EFFENDY RASHID

KERATAN AKHBAR
KOSMO : MUKA SURAT 14
TARIKH: 23 JUN 2017 (JUMAAT)

Cuaca diramal baik pada pagi Aidilfitri

KUALA LUMPUR – Cuaca di seluruh negara keseluruhannya diramalkan baik pada waktu pagi Hari Raya Aidilfitri yang dijangka disambut pada Ahad ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, cuaca pada 25 Jun ini diramalkan baik pada sebelah pagi kecuali di Sabah dan Perak.

“Pada sebelah petang, hujan sementara dijangka berlaku di satu dua tempat di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Putrajaya, Sarawak, Selangor dan Terengganu,” kata jabatan itu dalam satu kenyataan semalam.

Kenyataan itu turut menyebut, ribut petir dijangka melanda beberapa kawasan di Sarawak pada sebelah petang manakala di Sabah pula diramalkan hujan sepanjang hari.

Pada sebelah malam pula, cuaca di keseluruhan negeri diramalkan baik kecuali di Sabah.

Lebih banyak dana diperlukan untuk syarikat pemula niaga

KUALA LUMPUR – Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pemodal teroka swasta digesa memperuntukkan lebih banyak dana untuk syarikat pemula niaga (start-up) teknologi tempatan selain untuk syarikat teknologi pesat berkembang (scale-up).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Malaysia mempunyai banyak syarikat pemula niaga dan syarikat teknologi pesat berkembang yang berinovatif dan sangat memerlukan dana.

Namun masalah kurangnya aktiviti promosi dan pemasaran, ia telah membendung potensi pertumbuhan syarikat berkenaan.



MUSTAPA

“Kita mempunyai permata yang belum digilap. Oleh itu, mereka perlu dipadankan dengan pemodal teroka supaya mereka sentiasa mempunyai peluang (untuk dana).”

“Apa yang perlu kita lakukan ialah mengumpul pemodal teroka dengan mereka yang memerlukan (wang),” katanya kepada pemberita di luar sesi Sesi Pitch Untuk start-up dan scale-up Teknologi di sini semalam.

Mustapa berharap, platform *pitching* akan menggalakkan lebih banyak GLC mengambil bahagian dalam persekitaran yang kini dikuasai oleh entiti kerajaan seperti Khazanah Nasional Bhd. dan Malaysia Venture Capital Management Bhd.

Tambah beliau, walaupun terdapat banyak dana negara, ada yang ditegah daripada melabur dalam start-up dan scale-up seperti Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Pada masa ini, terdapat lebih 400 start-up dan scale-up, yang kebanyakannya dikumpulkan dalam komponen ekonomi Digital. – Bernama

Pemodal kena bantu *start-ups, scale-ups*

KUALA LUMPUR 22 Jun - Kerajaan menggesa lebih banyak syarikat milik kerajaan (GLC), syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC), Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Pemodal Teroka (VC) untuk melabur dalam syarikat start-ups dan scale-ups tempatan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, terdapat sejumlah besar syarikat dalam kategori itu yang memerlukan dana, namun kekurangan aktiviti promosi dan pemasaran telah menghalang pertumbuhan mereka.

"Malaysia mempunyai sejumlah besar syarikat yang dianggap sebagai permata yang masih belum digilap. Kerajaan mahu lebih banyak entiti swasta menyedari tentang peluang untuk melabur dalam syarikat sektor itu bagi membantu mereka berkembang.

"Apa yang kita perlu lakukan ialah mengumpulkan mereka

yang mempunyai dana bersama dengan mereka yang memerlukan dana," katanya ketika ditemui pada sesi 'pitching' bagi syarikat teknologi start-ups dan scale-ups tempatan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Yasmin Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap),

Jamaludin Bujang dan Pengerusi Commerce.Asia, Ganesh Kumar Bangah.

Ekonomi digital menyumbang lebih 17 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencerminkan lebih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk memacu pertumbuhan syarikat tempatan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor itu.



MUSTAPA MOHAMED

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (MONEY): MUKA SURAT 27
TARIKH : 23 JUN 2017 (JUMAAT)

Tok Pa urges more funds for technology startups, scaleups

KUALA LUMPUR — International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed has urged government-linked companies (GLCs) and private venture capitalists to allocate more funds for local technology startups and scaleups.

He said Malaysia had a lot of capable and innovative startups and scaleups that badly needed funds, but the lack of promotion and marketing activities, curbed their potential for growth.

"We have quite a number of unpolished gems. So, the value proposition is to match them with venture capitalists, so that they are aware of opportunities

(for funds).

"What we need to do is bring together people with the money and people who need it," he told reporters on the sidelines of the Pitching Session For Local Technology Start-Ups and Scale-Ups here yesterday.

Mustapa hoped the pitching platform would encourage more GLCs and venture capitalists to participate in an environment that is now dominated by government entities such as Khazanah Nasional Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd and others.

He said although there were many sovereign funds

in the country, some were prevented from investing in startups and scaleups such as the Retirement Fund Incorporated (KWAP) and Armed Forces Fund Board (LTAT).

"We want to encourage the digital economy and e-commerce. (Therefore) we need to change the balance (between government fund and private fund), now at 70:30 (government fund:private fund). Our aspiration is to reverse this," he added.

Currently, there are over 400 startups and scaleups, most of which are primarily grouped as Digital Economy components. — Bernama



UTeM's 'Suci-Uris' Product Helps Men Urinate

Last update: 23/06/2017

MELAKA, June 22 (Bernama) -- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) produced a 'Male Urinal System' product known as 'Suci-Uris' to facilitate consumers, especially men to urinate without having to go to the toilet.

UTeM vice-chancellor Prof Datuk Dr Shahrin Sahib said the product which took about a year to produce through applied research, facilitates the relevant group, primarily the Umrah and Haj pilgrims to urinate when in the Holy Land.

He said a research fund of less than RM100,000 was used to produce the product which had received the syariah-compliant status from the Melaka State Mufti, support from Lembaga Tabung Haji and **SIRIM** approval.

"A back flow test has been conducted on the 'Suci-Uris' product to ensure the urine released will continue to flow into the urine bag supplied with the product.

"Besides being used by umrah and haj pilgrims, the product is also suitable for motorists trapped in traffic congestion, patients in hospitals or homes who find it difficult to move and overseas tourists who have difficulty finding access to toilet facilities," he told reporters here, today.

Shahrin said this after representing UTeM at the handing over of the memorandum of agreement on the commercialisation of the product by Spektrum Teknik Sdn Bhd, represented by its managing director Azizan Ismail.

Commenting further, Shahrin said the 'Suci-Uris' product did not only help the user to urinate with ease but it was equipped with a sprinkler system to perform ablution and the product was patented and released by Spektrum Teknik from May.

Meanwhile, Azizan said the product component was made up of containers, urine bag and a 'khasyafah' holder (penis) stored in a portable bag weighing 600 grammes.

He said the product was manufactured using a durable and non-burstable plastic and sold online on Facebook or Instagram 'sepektrumuci' priced at RM159.

"We see this product getting an encouraging response and until now, have produced about 1,000 sets of 'Suci-Uris'. For a start, the product has received requests from consumers in Indonesia and we expect to sell more than 15,000 units in the near future," he said.

He added the product was easy to handle because it was user friendly and practical for all ages.

-- BERNAMA